

SOALAN 3.3 - DARAH

1. Darah terdiri daripada beberapa komponen. KLIK **KOMPONEN DARAH** pada pilihan jawapan yang betul.

Plasma darah
Sel darah merah
Antigen
Sel darah putih
Platlet
Hemoglobin

(4 markah)

2. a. Zack telah mengalami kemalangan dan kehilangan banyak darah. Darah apakah yang sesuai diterima oleh Zack sekiranya beliau mempunyai Jenis A. KLIK pada jawapan yang betul dalam jadual di bawah.

Kumpulan Darah A	Kumpulan Darah B	Kumpulan Darah AB	Kumpulan Darah O

(2 markah)

b. Apakah yang berlaku sekiranya Zack menerima darah jenis O. Pilih kemungkinan yang akan berlaku. KLIK pada jawapan yang betul dalam jadual di bawah.

Tiada sebarang kesan	Darah tergumpal	Sihat dan selamat	Kematian

(2 markah)

3. Nyatakan **BENAR** atau **SALAH** bagi pernyataan berikut:

a. Seorang penerima darah bergantung kepada kehadiran antibodi dalam plasma darahnya.

b. Kumpulan Darah jenis O dikenali sebagai penerima universal.

c. Darah jenis O sesuai diterima oleh semua orang.

d. Darah manusia dikelaskan mengikut jenis antigen

(4 markah)

4. Pilih jawapan yang betul bagi setiap pernyataan yang berikut:

a. Seorang penderma darah mestilah berusia (21 – 55 tahun) / (18 – 60 tahun)

b. Berat minimum bagi seorang penderma darah ialah (45 kg) / (50 kg)

c. Seorang penderma darah boleh menderma sehingga (0.5 liter / 1.0 liter) darah dalam satu-satu masa

d. Kekerapan menderma darah ialah (6 bulan sekali) / (3 bulan sekali)

(4 markah)

5. Nyatakan jenis antigen dan jenis antibodi bagi jenis darah berikut :-

JENIS DARAH	JENIS ANTIGEN	JENIS ANTIBODI
A		Anti-B
B		Anti-A
AB	A dan B	
O	Tiada	

(4 markah)